



## IKLAN PENGAMBILAN SECARA KONTRAK KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

### JAWATAN : JURURAWAT GRED U29

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sedang dalam usaha untuk membuat pengambilan Jururawat Gred U29 secara kontrak (*Contract of Service*) bagi tempoh 1 tahun untuk membantu menangani pandemik COVID-19.

#### A. JAWATAN

JAWATAN	GRED	GAJI	ELAUN*
Jururawat	U29	RM1,797.00	ITKA :RM160.00 ITP :RM300.00 BSH :RM200.00-RM300.00

#### B. SYARAT KELAYAKAN

1. Warganegara Malaysia berumur tidak melebihi 45 tahun.
2. Memiliki Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) / Sijil Vokasional Malaysia (SVM) dengan Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu atau kelulusan yang diiktiraf dengannya oleh Kerajaan.
3. Memiliki Diploma dalam bidang kejururawatan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya serta telah berdaftar dengan Lembaga Jururawat Malaysia.
4. Memandangkan pengambilan ini adalah kontrak jangka pendek (1 tahun) sebagai petugas kesihatan bagi membantu dalam menangani wabak COVID19, calon hendaklah mempunyai tahap kesihatan yang baik dan tidak berisiko seperti mengandung, tiada masalah kesihatan kronik seperti penyakit jantung, *Asthma*, *Chronic Obstructive Airway Disease (COAD)*, *Diabetes Mellitus (DM)*, *Hypertension (HPT)* dll., tiada kecacatan mental atau anggota badan, tidak mempunyai penyakit berjangkit dan sebagainya.
5. Sedia menyumbang perkhidmatan di mana-mana fasiliti hospital atau klinik kesihatan kerajaan di seluruh negara yang melibatkan pelbagai kategori pesakit termasuk pesakit COVID-19.

6. Sedia bertugas secara bergilir (syif)/ lebih masa / luar waktu pejabat, hari kelepasan mingguan dan hari kelepasan am mengikut keperluan.
7. Lulus tapisan panel temuduga dari pihak KKM.

### **C. CARA MEMOHON**

1. Calon yang berminat dan memenuhi syarat yang ditetapkan boleh mengemukakan permohonan secara atas talian melalui pautan berikut <https://forms.gle/ihaz6qfboM1bKJgx5> mulai **13 Januari 2021**, jam 5.00 petang.
2. Calon hendaklah memberikan maklumat yang lengkap, tepat dan benar dalam borang permohonan. Pelantikan boleh dibatalkan sekiranya didapati calon mengemukakan maklumat tidak tepat dan tidak benar.
3. Permohonan yang tidak memenuhi syarat yang ditetapkan, tidak lengkap, tidak benar dan diterima selepas tarikh tutup tidak akan dipertimbangkan.
4. Hanya calon yang memenuhi syarat kelayakan sahaja akan ditemuduga secara atas talian.
5. Calon hendaklah sertakan salinan kad pengenalan, salinan Sijil Diploma Kejururawatan dan Salinan Sijil Perakuan Pendaftaran Jururawat di dalam format borang yang disediakan.

### **D. TARIKH TUTUP PERMOHONAN**

Tarikh tutup permohonan adalah pada **19 Januari 2021**, jam 5.00 petang. Sebarang permohonan yang diterima selepas tarikh tutup ini tidak akan dipertimbangkan. Keputusan pelantikan adalah muktamad dan tiada sebarang rayuan akan dipertimbangkan.

### **\*CATATAN**

I.T.K.A – IMBUHAN TETAP KHIDMAT AWAM  
I.T.P – IMBUHAN TETAP PERUMAHAN  
B.S.H – BANTUAN SARA HIDUP